

BENTUK DAN ISI
- Pengertian serta perhubungan
dalam karya senilukis.

ITM.
1984

LATAR BELAKANG.

Penyediaan tesis ini adalah bertujuan untuk memperkatakan tentang suatu pengertian, dalam memberikan tekanan kepada perhubungan bentuk dan isi, yang mana merupakan sebagai suatu bidang dalam membentuk sesuatu hasil karya senilukis. Justeru, kedua perhubungan ini akan pula diutarakan dalam kontek untuk diterapkan ke dalam karya-karya supaya memberi sesuatu yang berkesan kepada pembaca. Kekurangan atau tiadanya salah satu dari pada elemen ini akan membawa kepada kepincangan serta kurangnya nilai dalam sesuatu karya yang dihasilkan. Di sini 2 orang pelukis tanahair telah dipilih sebagai bahan dalam perbincangan mengenai karya mereka secara terperinci. Penekanan kedua-dua perhubungan ini adalah sungguh besar ertiinya, dalam erti kata untuk menerangkan kepada masyarakat mengenai elemen-elemen di dalamnya serta cara-cara dan aturan tertentu sesuatu karya itu dinilai, di samping bertujuan untuk mencapai sesuatu yang bermutu. Hasil daripada perhubungan ini agar dapat memberi manfaat dan pengertian yang bermakna serta berfaedah

PENGHARGAAN.

Saya bersyukur ke hadrat ilahi di atas limpah kurnianya, dalam menjayakan tesis ini sehingga selesai. Tak lupa juga kepada semua pen-syarah-pensyarah yang telah mengajar saya serta mendidik dan membimbing dalam apa jua bidang terutama terhadap dalam menjayakan tesis ini. Se-terusnya kepada kedua ibubapa saya yang telah mendoakan agar saya sihat senantiasa untuk menyiapkan projek ini, di samping kepada semua pelajar-pelajar jabatan seni halus tahun akhir 1984.

nasir
jabatan seni halus.

KANDUNGAN

Halaman

LA TARBEIA KA NG	ii
PENGHARGAAN	iv
SENARA I CAMPA RA JAH	v.
SENARA I ILLUSTRASI.....	vi

Bab

1. PENGEMALAN	1.
2. PENGERTIAN BENTUK	10
3. PENGERTIAN ISI	27
4. PERHUBUNGAN BENTUK DAN ISI	38
5. PERHUBUNGAN BENTUK DAN ISI DILAM KARYA SENILUKIS .	
a. PONIRIN AMIN	51
b. ZAKARIA AWANG	61
6. KESIMPUIAN	73
BIBLIOGRAFI	77

1: PENGENALAN.

Kita akan dapat rasakan bahawa seni, walau apa pun bentuk yang dapat dilihat, adalah merupakan suatu perkara yang begitu komplek. Perbicaraan mengenainya memerlukan suatu susunan yang rapi serta tersusun di samping kepakaran penyampaian yang bernas. Ini adalah kerana ianya mempunyai sifat-sifat yang kepelbagai dan tidak mempunyai suatu keseragaman. Pandangan ini dapat disokong oleh seorang ahli dalam sejarah seni iaitu FREDERIK ANTAL:

"Seni itu adalah sesuatu yang mencabar. Ianya juga seperti mencapai sesuatu yang tidak dicapai" 1.

Selama ini kita hanya pandai melihat karya seni yang telah dipamirkan. Tapi pandangan masyarakat mengenainya mungkin kabur. Hanya yang mengetahui adalah golongan-golongan yang mempelajari akan bidang kesenian itu sendiri. Permasalahan ini adalah disebabkan tiada suatu penerangan yang sistematik dalam memberikan pengertian yang sebenar terhadap prinsip-prinsip atau komponan dalam senilukis itu sendiri.

Notakaki:

1. FREDERIK ANTAL: Some Remarks on the Method of Art History.